

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]
TARIKH : 02 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 28

Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah strategi Kerajaan bagi memperkukuhkan nilai Ringgit Malaysia ;
dan
- (b) pertimbangan dan inisiatif yang diambil oleh Bank Negara untuk campur tangan dalam penentuan nilai mata wang ringgit .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 7 November 2019, nilai ringgit telah mengukuh sebanyak 0.2% manakala pada 29 November 2019, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 0.9%. Ini menunjukkan volatiliti perubahan nilai mata wang dalam keadaan pasaran global masa kini yang tidak menentu ekoran perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China. Prestasi ringgit adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan -6.5% dan 6.5% berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Penyusutan nilai ringgit disebabkan oleh ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan unjuran pertumbuhan global.

Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran. Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir. Pada masa sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (*hedging instruments*) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.